

UMS rancang perkenal subjek berkaitan pengangkutan kereta api

OE 6.1.2018 3

KOTA KINABALU: Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang memperkenalkan mata pelajaran sarjana muda berkaitan dengan pengangkutan kereta api.



Menurut Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin (**gambar**), pengenalan subjek itu merupakan sebahagian daripada kerjasama akademik yang ditubuhkan dengan Universiti Wuyi, Jiangmen, Guangdong, China.

Pelajar terpilih dari UMS, khususnya dari program Kejuruteraan Mekanikal, juga boleh menjalani latihan industri di Sekolah Pengangkutan Kereta Api, Universiti Wuyi.

Baru-baru ini, Naib Canselor mengetuai delegasi dari UMS untuk melawat Universiti Wuyi sebagai susulan menandatangani Surat Niat (LoI) antara kedua-dua universiti itu di Kota Kinabalu pada Oktober tahun lepas.

Dr Kamarudin menambah bahawa pengenalan kepada subjek baharu itu dan juga sebagai inisiatif latihan Industri adalah peningkatan kurikulum sarjana muda memandangkan peningkatan pengangkutan kereta api di Malaysia serta memenuhi keperluan Industri 4.0.